



Tarikh : 7 Jun 2017

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
BEKALAN BARANGAN /PERKHIDMATAN
NO. SEBUTHARGA : MDKP.NS.1.100-8/1/1 Jld 4**

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** di bawah Kod Bidang **220801 - KAWALAN KESELAMATAN** dan **Kementerian Dalam Negeri (KDN)** serta masih dibenarkan membuat Sebutharga pada masa ini untuk menjalankan perkhidmatan berikut :-

Tajuk Perkhidmatan	Syarat Kelayakan	Tarikh/ Masa & Lokasi Berkumpul	Harga & Tarikh Jualan Dokumen	Tarikh Tutup Tender/ Sebutharga
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA UNTUK SEMUA BANGUNAN MILIK MAJLIS DAERAH KUALA PILAH TERMASUK BANGUNAN YANG DIBAWAH SELIAAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH	<u>Kementerian Kewangan</u> <u>Kod Bidang :</u> 220801-Perkhidmatan Kawalan Keselamatan DAN Kementerian Dalam Negeri	<u>Lawatan Tapak</u> 9 Jun 2017 (Jumaat) 9.00 pagi DAN Dihadapan Pejabat Majlis Daerah Kuala Pilah	RM 50.00 Senaskah 9 Jun 2017 (Jumaat) 11.00 pagi sehingga 15 Jun 2017 (Khamis) 4.00 petang	16 Jun 2017 (Jumaat) 12.00 tengahari

2. Semua butiran **Sebutharga** boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Perkhidmatan dan Pentadbiran, Majlis Daerah Kuala Pilah**. **Lawatan Tapak** adalah **diwajibkan** dan hendaklah melapor diri pada tempat, masa dan tarikh yang ditetapkan.

3. Syarikat yang ingin memasuki Sebutharga hendaklah menyediakan Wang Tunai / Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Draf yang dibuat atas nama **"YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KUALA PILAH"** dan bayaran Dokumen Sebutharga tidak akan dikembalikan.
4. Wakil syarikat hendaklah membawa **surat wakil yang sah beserta Sijil ASAL** semua Dokumen seperti yang disyaratkan di atas.
5. Tawaran Sebutharga hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender A di Tingkat 1, Bahagian Kejuruteraan dan Bangunan** serta meletakkan Tajuk Sebutharga di kiri sampul surat berlakri dan dialamatkan kepada :

**BAHAGIAN PERKHIDMATAN DAN PENTADBIRAN
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH
72009 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

6. Pihak Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) tidak akan terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau sebarang tawaran lain dan juga tidak memberi sebarang alasan kepada Sebutharga yang tidak berjaya.
7. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut bolehlah menghubungi talian:
Tel : 06-4812075 / 06-4821277 dan Fax : 06-4811042.


.....
**Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah**